

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS**

9010

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawa  
Lisan Hadian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian

HARI RABU: 20 OKTOBER 2010

GAN PERUNDANGAN  
MEN MALAYSIA



## **KAMMJNGAN**

**JAWAPAN-JAWAIPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK DAPAT MJIWAB MBAJLAM DEWAN  
(SOALAN NO. 3, 8 HINGGA 42 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,2,4 HINGGA 7**

**[RUJUK PENYATA RASMI HAMAN (HANSARD)]**

PEIRflf AM Y

NO SGALAN :

AAM

LI8AN

DARSPADA T

Tuan Hajs Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungum J

20 Oktober 2010 (Ralbu)

ARIKH

: Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoli [ Dungwm | minta

SOALAN

PERDANA MEWTERI menyatakan jumlah aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam (BPA} bagi tempoh 2009 dan 2010 rnengikut saluran aduan yang dibuat seperti di laman web dan surat serta nyatakan aduan yang dapat diselesaikan khususnya bagi penambahaikan perkhidmatan awam.

**JAWAPAN :**

Kerajaan berpendapat aduan daripada rakyat adalah suatu rahmat dan hadiah kerana ia menunjukkan kesediaan rakyat berkomunikasi dengan agensi-agensi Kerajaan samada dalam bentuk aduan, cadangan ataupun kritikan.

Keterbukaan Kerajaan telah mendorong Kementerian dan Jabatan mempelbagaikan saluran aduan di agensi masing-masing. Dalam konteks ini BPA khususnya, telah memperuntukkan 8 saluran yang menggabungkan kaedah tradisional dan kaedah elektronik.

Sepanjang tahun 2009, BPA telah menerima 12,683 aduan manakala tahun 2010 (sehingga 30 September) sebanyak 10,173 aduan. Pecahan aduan berdasarkan saluran pula adalah seperti yang berikut:

Bil.	Saluran	2009	2010*
1.	Elektronik (E-mel dan borang laman web)	41.9	46.9
2.	Program Proaktif (turun padang)**	20.4	14.4
3.	Surat, Faks & Borang Kaunter Aduan Jabatan	12.1	12.7
4.	Hadir Sendiri	11.8	9.5



5.	Program Menangani Aduan Sebelum Menjadi Aduan (MASJA)	6.3	8.0
6.	Telefon	5.7	5.3
7.	Lain-lain	1.7	3.1
8.	SMS (15888)	-	0.1
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	<b>100</b>

**Sumber:** Cetakan Sistem i-Aduan

**Nota**

\* 1 Januari hingga 30 September 2010

\*\* Program Proaktif: Program MESRA, Kaunter Aduan Bergerak dan Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu

Kesimpulannya, saluran elektronik menjadi pilihan utama rakyat untuk membuat aduan, disusuli oleh program proaktif dan kaedah tradisional, iaitu melalui surat-menyurat, telefon, faks dan borang aduan yang disediakan.

Pada tahun 2009, daripada jumlah 12,683 aduan yang diterima, BPA berjaya menyelesaikan sebanyak 12,376 (97.6%) aduan. Manakala bagi tahun 2010 (sehingga 30 September), BPA berjaya menyelesaikan sebanyak 8,965 (88.1%) aduan demi penambahbaikan perkhidmatan awam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

LISAN

YB TIMM CEKjPM TMI CfrMW®  
[BATU]

IR/4BU, 2© ©GCTOBEIR 2© 10

RUJUICAW

©4 [IPFM233-L40S4S]

SOALAM :

Tmssdu CBmoa Haon CBmoug [ Batao ] minta' MEMTEfftE WILAYAtH]  
PEERSEBCUTUAW DAM GCESEJAEH1TE1RAAM IBAMDAfR menyatakan :

- (a) apakah sebab-sebab Kabinet meluluskan mengubah lirik lagu Wilayah Persekutuan; dan
- (b) sejauh manakah Skim Prihatin Yayasan Wilayah Persekutuan telah berjaya dilaksanakan dan berapakah jumlah wang diperuntukkan,

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu, keputusan untuk menukar lagu rasmi Wilayah Persekutuan adalah susulan daripada pandangan Kerajaan pada awal Ebojflara Jaenyarp Satom] 2©1© bahawa Wilayah Persekutuan perlu mempunyai lagu rasmi yang baru walaupun lagu rasmi sedia ada telah dinyanyikan sejak lebih empat tahun yang lalu.

Bagi memenuhi hasrat Kerajaan, pihak pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah menjemput **lima komposer tanahair** iaitu **Dato' Johari Salleh, Datuk Suhaimi Mohd Zain, Mohd Azhar Abu Bakar @ Azmeer, Rozman Shafie @ LY** dan **Dato' Mokhzani Ismail** untuk menggubah lagu rasmi baru Wilayah Persekutuan.

Ciri-ciri ciptaan lagu rasmi baru Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) senikata laqu memberi identiti tersendiri dengan tuiuan untuk mewujudkan semangat patriotik, semangat setiaawan dan perpaduan serta iatidiri yang tinggi di kalangan warqa Wilayah Persekutuan seaiar dengan hasrat qaqasan IMalaysia; dan
- (ii) senikata dan melodi laqu adalah ringkas dan mudah diingati dan dinyanyikan dengan menzahirkan lambang kebanggaan serta inspirasi untuk memartabatkan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah entiti yang aktif, progresif dan dinamik.

Daripada 5 komposer, hanya 4 orang telah mengemukakan cadangan lagu rasmi baru tersebut. Seterusnya, KWPKB telah **memperakukan** kepada Jemaah Menteri **Iaau ciptaan Dato' Mokhzani Ismail dan Datuk Suhaimi Mohd Zain** dipertimbangkan dari segi kesesuaian menggantikan lagu rasmi yang asal.

Pada 1 September 2010, Jemaah Menteri telah bersetuju **Iaau ciptaan Datuk Suhaimi Mohd Zain dengan lirik seni kata oleh Sved Indera Sved Omar** sebagai pilihan terbaik lagu rasmi baru Wilayah Persekutuan.

Keputusan 3emaah Men ter i ini teiah dicpersaoinitoG-i DTnjaiicBcLnitdijGcaeij ikepadia Seri Padkoksi lagionde] Ysmg dQ=IP@rtMaoij A§@mig, Al-Wathiqu Biliah Tuanku Mizan Zainal A hid in oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada if ©ktfeer 22(0)10) di Istana Negara. Alhamdullillah, Baginda Tuanku telah pun rnemperkenankan gubahan lagu rasmi

baru Wilayah Persekutuan. 'agu baru itu akan dikumandangkan secara rasninya semasa Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2011. Lagu rasmi baru tersebut memifliekalllcaira ftafak "Ma1ly dann Seiiaihtra" tetapi melodi dan lirik seni kata ditukar dengan ciri-ciri membangkitkan semangat, ceria, girang dan berjiwa patriotik semasa dinyanyikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung Skom ProfhsiftoBii fPersekutwaoi, skim ini telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 16 Ogos 2010. Ia bertujuan untuk meringankan beban kaum keluarga warga Wilayah Persekutuan apabila berlaku kematian dan keahliannya adalah terbuka kepada semua kaum dan agama.

Setakat 10 Oktober 2010 sebanyak 756 permohonan telah diluluskan. Dijangkakan 10,000 permohonan akan dikemukakan kepada Yayasan Wilayah Persekutuan menjelang akhir tahun ini.

Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) tidak merBgefluarksm feajef bagi pelaksanaan skim ini. Sebaliknya, WiSsyah **tPersekutysura** menggunakan djaoisi setrodBre untuk mentadbir dan mengurus skim ini khusus untuk faedah warga Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

#### **RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH**  
**[ JASIN ]**

Soaian No : 10

**TARIKH :** **20 OKTOBER 2010 (RABU)**

**SOALAN:**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil daripada pelaksanaan band penduduk dan perumahan tahun 2010 yang bermula daripada 6 Julai sehingga 22 Ogos dan apakah bentuk maklum balas daripada rakyat mengikut kaum.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia kali yang kelima yang bermula pada 6 Julai -22 Ogos 2010 lalu telah selesai. Pembandan dijalankan dalam tiga fasa sepanjang tempoh tersebut. Maklumat band sedang diproses dan data permulaan dijangka akan disiar pada akhir tahun ini. Pada masa ini, Jabatan Perangkaan sedang membuat semakan kualiti terhadap data yang dikutip semasa banci bagi menjamin ianya berkualiti dan bertepatan dengan garis panduan antarabangsa.

Pada peringkat awal bandan, kerjasama penduduk di sesetengah kawasan kurang memuaskan walaupun publisiti tentang banci telah dimulakan lebih awal. Dengan peningkatan program publisiti yang berterusan dan menyeluruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan bersama pihak media dan agensi lain antaranya seperti persatuan komuniti dan pertubuhan, kerjasama yang baik diperolehi daripada penduduk dan proses bandan telahpun berjalan lancar.

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
DAR.SPADA	Y.B. TUAN IFLIUHASVILAD BSH HU8AIK (PASIR PUTEH)
<b>IARIKH</b>	20.-10.2010

### **SOALAN:**

Y.B. TUAN MUHAMMAD BSN HUSAIM [ PASSR PUTEH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan program-program yang dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran pelajar tercicir bagi mengelakkan mereka terjebak dengan gejala buruk seperti dadah, lumba haram dan jenayah lain.

#### JAWAPAW

Tuan Yang Di Pertua,

Program-program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi meningkatkan kemahiran pelajar tercicir bagi mengelakkan mereka terjebak dengan gejala buruk seperti dadah, lumba haram dan jenayah lain adalah;

- i. Mengadakan kempen kesedaran bagi mengatasi masalah gejala disiplin kepada murid berisiko melibatkan semua daerah di seluruh negara,

Melaksanakan Program Jati Diri kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain. Program ini adalah program pemulihan kepada

murid tersebut yang dilaksanakan di Pusat-Pusat Kokurikulum Negeri,

Melaksanakan Program Rintis *Sistem Merit Demerit* di 200buah sekolah menengah seluruh negara. Program ini yang dinamakan sebagai Sistem Kawalan Disiplin Murid (e- Disiplin) dibuat secara automasi sepenuhnya dan setiap murid yang terlibat akan dibantu sepenuhnya.

Melaksanakan Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru Disiplin yang terlibat termasuk guru-guru warden asrama,

Mengerakkan Menggerakkan Pasukan Petugas Anti Ponteng Daerahmenerusi

MajlisPermuafakatan

Pendidikan Daerah (MPPD). Pasukan ini terdiri daripada Pegawai Pelajaran Daerah, PDRM, PBT, PIBG serta agensi- agensi setempat,

melakukan pemantauan secara berterusan oleh Pegawai Pelajaran Daerah terhadap pelaksanaan dan

penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 khususnya terhadap tatacara hukuman terhadap murid yang melakukan kesalahan disiplin oleh pihak sekolah,

Melaksanakan program keibubapaan kepada anggota PIBG seluruh daerah. Program ini adalah atas permintaan PIBG supaya setiap ibu bapa diberi pendedahan terhadap peranan mereka di sekolah serta tanggungjawab bersama membendung permasalahan disiplin murid, serta

- viii. Pihak sekolah juga telah diminta untuk sentiasa berbincang
  - II dan bertindak bersama pihak-pihak iuar seperti PDRfVL PIBG, jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Bukan Kerajaan, Kepimpinan Masyarakat setempat seperti Penghulu, Ketua Kampung,

## **SOALAN NO: 11**

JKKK dan lain-lain yang berkaitan dalam usaha mengatasi gejala disipiin miirid di sekolah dan luar sekolah.

Bagi menangani masalah keciciran di kalangan murid berkeperluan khas atau OKU amnya, KPM telah menyediakan pendidikan yang lebih cenderung ke arah latihan vokasional.

Rjm 29



**SOALAN NO: 11**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**JAWAB LISAN Tuan William (?)  
Nyallau Anak Badak  
[ Lubok Antu ]**

**TARIKH  
SOALAN**

**20 Oktober 2010  
(RABU)**

**Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah projek-projek yang dirancang oleh Kementerian dalam RMK-10 untuk meningkatkan hasil pertanian bagi penduduk yang tinggal di luar bandar khasnya bagi petani-petani yang mempunyai tanah NCR masih banyak terbiar

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Adalah menjadi dasar dan matlamat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia untuk meningkatkan pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan khususnya mereka yang berada di luar bandar serta meningkatkan pengeluaran makanan sebagai jaminan bekalan makanan dalam negara.



Di bawah pelan belanjawan dua tahun Rancangan Malaysia Ke-1G, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah merancang untuk melaksanakan 14 buah program pembangunan tanaman, perikanan dan industri asas tani,

Program-program ini adalah herkaitan secara langsung dengan usaha kementerian untuk meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan di luar bandar di Sarawak termasuk mereka yang mempunyai tanah NCR (Tanah Hak Adat Bumiputera) yang masih banyak terbiar. Program tersebut melibatkan Pembangunan Herba dan Rempah Ratus, tanaman kelapa, buah-buahan, pembinaan dan pembalakan jalan ladang, pembangunan TKPM Kebuloh, Miri dan Akuakultur di Loba Stoh serta pembangunan industri ternakan.

**Soalan No : 12**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW  
(KEPONG)**

**TARIKH**

**20.10.2010**

**SOALAN:**

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan keadaan pendidikan teknik termasuk program-program dan peruntukannya. Apakah prestasinya untuk 2010 dan unjurannya untuk 2011 dan 2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini terdapat 6 bidang program yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar dalam aliran teknikal. Menjelang RMKe-10, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) akan menambahkan bidang program kepada 11 bidang dengan 45 kursus yang akan ditawarkan. Bagi mencapai matlamat 100% enrolmen pelajar menjelang 2015, beberapa langkah telah diambil seperti:

- i. Menambahkan bilangan Sekolah Menengah Vokasional yang baru - SMV Pasir Puteh, SMV Kuala Berang, SMV Pagoh, SMV Pekan, dan SMV Pasir Gudang;
- ii. Menambahkan bilangan kelas Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah-sekolah menengah kebangsaan;

- iii. Memperkenalkan kursus-kursus Mata Pelajaran ASiran Vokasional (MPAV) di sekolah-sekolah menengah kebangsaan; dan
- iv. Cadangan menukarkan SMK yang sesuai kepada SMV bagi melaksanakan MPAV dan mata pelajaran kemahiran sepenuhnya.

Pada tahun 2010, P,PM telah menerima peruntukan di bawah pembangunan (RMKe-9) berjumlah RM86 juta untuk melaksanakan perolehan peralatan MPAV, Mata Pelajaran Aliran Teknikal (MPAT) dan Mai a Pelajaran Teknikal (MPT).

Pada tahun 2011, KPM bercadang untuk menaiktaraf bengkel-bengkel di lapan belas buah SMT sedia ada di bawah pemntukan MKRA supaya dapat meningkatkan lagi bilangan enrolmen menjelang tahun 2012.

Rjm 26

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG (**  
**LAWAS )**  
**TARIKH : 20 OKTOBER 2010 [ RABU ]**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Henry Sum Agong ( Lawas )** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil perbincangan yang dicapai dengan negara-negara kesatuan BIMP-EAGA mengenai peluang perniagaan, persempadanan wilayah dan pengangkutan.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ***Brunei-Indonesia-Malaysia-***

**Philippines East ASEAN Growth Area** atau ringkasnya **BIMP-EAGA** telah ditubuhkan pada tahun 1994 dengan dianggotai oleh negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filippina dalam kerjasama serantau. Sejak penubuhannya, beberapa program dan projek telah berjaya dilaksanakan yang memberi impak positif dalam pembangunan di wilayah ini.

## Peluang Perniagaan

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep penubuhan BIMP-EAGA adalah berdasarkan ***private-sector led and public-sector facilitation***, dengan izin. Oleh yang demikian, semua aktiviti yang dijalankan adalah untuk membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada pihak swasta. Pelbagai bidang pelaburan secara bersama di antara pelabur dalam kawasan BIMP- EAGA telah dilaksanakan terutamanya usaha sama dalam bidang pembangunan infrastruktur seperti pembinaan, penyelenggaraan dan operasi si stem hubungan udara dan hubungan laut, perdagangan, pertanian dan pelancongan.
3. Antara contoh projek-projek yang berjaya dilaksanakan secara usaha sama adalah perkhidmatan pengangkutan seperti hubungan laut antara Sandakan-Zamboanga, Sandakan-Tawi-Tawi, Tawau-Nunukan dan Tawau-Tarakan. Di samping itu, perkhidmatan feri penumpang dan kenderaan, dengan izin *Roll On Roll Off* (Ro-Ro) di antara Wilayah Persekutuan Labuan dan Brunei Darussalam serta Sabah dan Brunei Darussalam juga dilaksanakan.
4. Di bawah sektor pertanian pula, antara program khusus yang boleh dibanggakan bagi BIMP-EAGA ialah projek yang melibatkan kerjasama dalam pembangunan kluster industri berasaskan minyak sawit (dengan izin '*palm oil industrial cluster*') atau POIC di Sabah. Projek sedemikian membolehkan industri sawit dipertingkatkan dalam rantaian yang lebih tinggi. Projek-projek seperti ini akan membawa pembangunan dan kemajuan yang lebih pesat kepada setiap kawasan BIMP-EAGA yang berkenaan.

**NO. SOALAN: 13**

5. Di bawah sektor pelancongan, antara aktiviti yang telah dilaksanakan untuk mempromosikan BIMP-EAGA sebagai destinasi utama adalah *BIMP-EAGA Travel Exchange*, promosi pelancongan berkembar di China dan Jepun serta menerbitkan video dan brosur pelancongan. Di samping itu, *BIMP-EAGA Travel & Tour Operator Consortium* telah ditubuhkan pada November 2007 untuk mempromosikan BIMP-EAGA sebagai *single tourism destination* untuk menarik sejumlah 11 juta pelancong menjelang 2020. Pada masa ini, pakej pelancongan *Borneo Package* yang merangkumi Bandar Seri Begawan di Brunei Darussalam, Miri, Kuching dan Kota Kinabalu di Malaysia serta Pontianak di Indonesia telah pun dilancarkan.

6. Pengajuran BIMP-EAGA *Business Conference and Expo* sebagai acara tahunan bertujuan memberi peluang bakal pelabur di kalangan negara

anggota untuk bertukar maklumat berkaitan perniagaan mereka. Bagi tahun 2010, BIMP-EAGA *Business Conference and Expo* telah diadakan baru-baru ini di Kuching, Sarawak pada 28 September hingga 1 Oktober 2010 bersempena Mesyuarat Ke-15 Peringkat Menteri BIMP-EAGA yang diadakan di Kuching. Sebagai panduan kepada ahli-ahli perniagaan dalam kawasan BIMP EAGA untuk meninjau peluang perniagaan, Buku Panduan Pelaburan BIMP-EAGA telah dilancarkan pada 1 Oktober 2010 bersempena Mesyuarat Ke-15 Peringkat Menteri BIMP-EAGA. Buku ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pelabur ke wilayah BIMP-EAGA.

7. Bagi meningkatkan kerjasama berkaitan **connectivity**, negara BIMP-EAGA bersetuju mengambil pendekatan baru bagi melaksanakan **3-year rolling programme** sebagaimana dicadang oleh pihak Bank Pembangunan Asia (ADB). Dalam hubungan ini, projek infrastruktur yang berprioriti tinggi dikenalpasti untuk dilaksana pada 2010 dan 2011. Sebagai permulaan sebanyak enam (6) projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada tahun 2010. Sebagai sokongan kepada inisiatif ini, Malaysia telah mengenalpasti dua (2) projek sebagai projek infrastruktur berprioriti tinggi untuk dilaksanakan di bawah BIMP-EAGA pada tahun 2010, iaitu Projek **Sarawak-Kalimantan Power Interconnection** dan Projek **Lahad Datu Palm Oil Industrial Cluster**.

8. Bagi mempercepat dan menyokong pertumbuhan pembangunan di kawasan BIMP-EAGA, sektor pengangkutan merupakan salah satu initiatif utama untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan infrastruktur pengangkutan darat, udara dan air antara negara anggota. Tujuan utamanya adalah untuk membuka ruang kepada jaringan hubungan ekonomi dan sosial rentas sempadan yang lebih akrab berdasarkan konsep Koridor Ekonomi.

9. Sejak penubuhannya, empat (4) Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*, atau MoU) telah ditandatangani di bawah sektor pengangkutan seperti berikut:

- i. MoU on  
*Expansion of Air Linkages;*

- ii. MoU on *Establishing and Promoting Efficient and integrated Sea Linkages;*
- iii. MoU on *Cross-Border Movement of Commercial Buses and Coaches;*
- iv. MoU on *Transit and Inter-Siae Transport of Goods.*

#### PersempadarMiii Wilayah

10. Isu persempadan wilayah di BIMP-EAGA adalah lebih menjurus kepada fasilitasi perdagangan. Dalam hal ini, negara-negara anggota BIMP-EAGA sedang dalam proses memuktamadkan Memorandum Persefahaman mengenai Harmonisasi Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Sekuriti (C5QS). Memorandum ini bertujuan untuk mempermudahkan peraturan, prosedur dan undang-undang kastam, imigresen, kuarantin dan sekuriti bagi memudahkan urusan perdagangan. Antara pencapaian lain dalam isu persempadan wilayah adalah '*joint border patrol; frequent traveler card*' antara Brunei Darussalam dan Sarawak serta '*designated priority partner ports for pilot-testing*' untuk mengemaskini prosedur dokumen dan peraturan.

11. Kerajaan sentiasa memberi perhatian penuh terhadap kemajuan yang dicapai oleh negara anggota BIMP-EAGA. Penyertaan Malaysia dalam kerjasama BIMP-EAGA ternyata lebih banyak memberi manfaat kepada ahli perniagaan dalam sektor swasta terutamanya daripada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**NO. AUM/TV**

**NO. AUP: 1/j>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARIPADA    PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]**

**20 OKTOBER 2010**

**TARIKH**

**3006**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan saman trafik dan saman ekor yang dikeluarkan polis dan jumlah wang saman yang terlibat serta jumlah wang bayaran saman yang dipungut oleh Kerajaan untuk setiap tahun dari tahun 2000 hingga 2010.**

## JAWAFAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan ierima kasili kepada Ahli 'fang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan **dewan** yang mulia ini, jumlah keseluruhan saman trafik iaifu Saman POL 257 dan **Notis** Saman POL 170A yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada tahun 2000 adalah sebanyak 2,924,728 saman. Pada tahun 2001 sebanyak 4,302,766 saman, tahun 2002 sebanyak 4,223,470 saman, tahun 2003 sebanyak 4,419,460 saman, tahun 2004 sebanyak 5,387,683 saman, tahun 2005 sebanyak 5,173,400 saman, tahun 2006 sebanyak 4,788,453 saman, tahun 2007 sebanyak 4,314,378 saman, tahun 2008 sebanyak 4,067,553 saman, tahun 2009 sebanyak 4,483,324 saman dan tahun 2010 (sehingga September) sebanyak 3,680,886 saman telah dikeluarkan.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan **dewan** yang mulia ini, daripada jumlah saman yang dikeluarkan pada tahun 2000, sebanyak RS181,3 juta wang **saman telah berjaya** dikutip. Jumlah kutipan wang saman pada tahun 2001 pula adalah sebanyak RM185.6 jufa, tahun 2002 sebanyak RM3S3J juta, tahun 2003 sebanyak RM11168J

**juta, tahun 2004 sebanyak RM229.4 juta, tahun 2005 sebanyak RM304.8 juta, tahun 2006 sebanyak RM233.5 juta, tahun 2007 sebanyak RM236.2 juta, tahun 2008 sebanyak RM 259.5 juta, tahun 2009 sebanyak RM 277.9 juta dan tahun 2010 (sehingga September) pula sebanyak RM 338.9 juta berjaya dikutip.**

PELIBERITAHUAM PERTAMYAAKi DEWAM RAKYAT

PERTAiMYAAM : L8SAM

DARI PADA : Y.B<sub>0</sub> DATUM A2AUMA DATO<sup>5</sup> OTHI1AIM SAID  
[i Pasugeraainig ]

TAR1KH : 2® Okf@E®@r 201 CI

SOALAM :

Y.B,, Dafak Azalioa Ibmti Dat©<sup>9</sup> OfDnmacra Said fP©ng@ra^g]) minta PERDAWA MEWTERI menyatakan mengenai usaha yang akan dilakukan bagi mengelakkam isu pencerobohan oleh Marin Indonesia ke dalam perairan Malaysia baru-baru ini fidak berulang kembali.

|

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah pencegahan bagi menangani isu pencerobohan oleh Marin Indonesia ke dalam perairan Malaysia. Antaranya langkah tersebut adalah :

- i. Memantapkan aktiviti rondaan dan pemantauan maritim secara terkoordinasi dan bersepadu di antara agensi penguatkuasa maritim negara dan Markas Angkatan Tentera (ATM) terutamanya di kawasan tumpuan aktiviti perikanan, yang sering dicerobohi oleh Marin Indonesia seperti di perairan Selat Melaka, perairan Selatan Johor dan perairan Laut Sulawesi
- ii. Memantapkan kemudahan teknologi navigasi dan perhubungan ke atas semua aset bot/kapal nelayan atau sistem perhubungan bagi memantau aktiviti nelayan-nelayan tempatan dan aktiviti maritim lain
- iii. Bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri dalam meneruskan usaha-usaha rundingan terutama dalam isu kawasan bertindih selain mengemukakan bantahan diplomatik bagi setiap pencerobohan dan penahanan bot/kapal Malaysia oleh pihak berkuasa Indonesia yang dilaporkan berlaku dalam perairan negara.

**Sekian. Terima kasih.**

PEWIBERITAHUAM PERTAMYAAM BAC38 JAWAB U8AM  
DEWAW RAKYAT

PERTAMYAAM LSSAN

DARSPADA TUAW KHALfO BIN ABDUL SAS1AD [  
SHAH ALAM ]

TARIKH 20 GKTQBER 2010

RUJUKAM 3011

SOALAM:

Tuan KhalSd bin Abdul Samad [ Shah ASam | minta liEWTERI DALAM MEGER! menyatakan sejauh manakah tindakan Kerajaan terhadap kandungan memorandum yang dihantar oteh keluarga Aminulrasyid Amzah dan lima keluarga yang lain yang mana ahli keluarga mereka juga terlibat dan kes ditembak polis.

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, memorandum tersebut telah dikemukakan kepada Panel Khas penyiasatan yang memantau kes Aminulrasyid Amzah untuk diteliti. Sehubungan itu, seorang anggota polis telah dituduh di mahkamah di bawah Sek. 304A Kanun Keseksaan dan telah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi Shah Alam, pada 12 hingga 14 Oktober 2010.**

## DAR5PADA

PERTAMYAAM

**PEHBERiTAHU PERTAIWA AM  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

TAIYfiKH

Dato<sup>5</sup> Mgslh Koo

: DATO' HGEH KOO HAM (BERUAS)

Ham

(Besruas) minta

: LISAW


RfIEWTERI

: mmaoie

KEWANGAW

menyatakan sama ada benar dakwaan

faahavVa Kerajaan terpaksa rnembeli saham Si stem Penerbangan Malaysia (MAS) dengan harga RM8.00 sesaham sungguhpun harga pasaran pada rnasa itu hanya RM3.80 sesaham.



JAWAPAW:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk **makluman Yang Berhormat**, pengambilalihan saham MAS pada **harga** RM8.00 sesaham daripada pemegang saham majoriti **oleh** Kerajaan pada tahun **2001** adalah **merupakan harga** *fair value*.

Pembelian saham MAS pada harga **iersebut** adalah cara yang terbaik untuk mengukuhkan kedudukan MAS ketika **itu**. Di samping itu, MAS mempunyai dengan izin, *underlying asset* dan potensi **untuk** terus **berkembang pada** masa akan datang.

JAWAPAY

NO. AUP :|?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2010**

**RUJUKAN : 3007**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

**(a) A**

**pakah statistik kes jenayah yang berlaku di kawasan Petaling Jaya Selatan khasnya di Seksyen 17, PJ Old Town (Seksyen 1,2,3 dan 4) dan Taman Medan. ; dan**

**(b) A**

**pakah langkah-langkah yang telah dilakukan untuk mencegah peningkatan jenayah kes ragut di Seksyen 17, Petaling Jaya Selatan.**  
**Fuan Yang Dipertua,**

## **NO. AUM : 5**

Saya mohon maaf kerana kasih kepada Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sentiasa memantau statistik kes-kes jenayah yang berlaku. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2010, sebanyak 118,483 kes Jenayah Indeks dilaporkan di seluruh negara. Semenjara itu, bagi negeri Selangor punya kes Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi tempoh yang sama ialah 6,467 iaitu 5.5% dari jumlah keseluruhan. Dari jumlah kes yang dicatatkan di negeri Selangor bagi tempoh yang dimaksudkan, sebanyak 323 kes atau 4.9% adalah kejadian di kawasan Petaling Jaya Selatan khasnya di Seksyen 17, PJ Old Town dan Taman Medan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh Januari - Ogos 2010, sebanyak 57 kes Jenayah Jalanan dilaporkan di kawasan Petaling Jaya Selatan. Tiga daripada adalah kes ragut. Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif untuk terus mengurangkan kejadian ragut. Antaranya ialah meningkatkan kehadiran polis membuat rondaan di kawasan-kawasan yang dikenalpasti mudah berlaku ragut termasuk penggunaan ahli RELA dan JPAM yang dilantik

**sebagai Sukarelawan Simpanan Polis. Pemeriksaan orang yang disyaki dan kenderaan juga dilakukan semasa rondaan cegah jenayah dilakukan. Aktiviti *Community Policing* turut diadakan untuk merapatkan hubungan polis dengan masyarakat setempat agar mereka tampil ke hadapan membantu pihak PDRM untuk mencegah jenayah. Pegawai-pegawai kanan polis turut terlibat di dalam aktiviti *High Profile Policing*, anggota polis pula terlibat secara langsung menjalani inisiatif *Stop and Talk*. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan berterusan untuk memastikan jenayah terus dikurangkan.**

## **JAWAPAN**

### **PEI¥8BEP!IIAHtMM PERTANYAAN DEWAM RABCYAT**

**PERTAWYAAS^!**

**U8AM**

**DARIPADA**

**YB OATO' PADUICA ABU BABCAR TA1B**

**[LANGIKAWflJ**

**I ARIKH**

**20 OIKTOBER 2010**

**SOALAN**

**Memmtrn liENTEHI PELAMGOSMGAW**

**menfatakaoi!:.**

- a) Jumlah pelancong asing yang datang ke Malaysia bags 3 tahun kebelakangan ins dan dari Negara mana. Nyatakan 10 negara yang terbanyak serta jumlahnya; dan
- b) Dari jumlah ini, nyatakan 5 negeri yang terbanyak menerima pelancong dan apakah tarikannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2007, jumlah ketibaan pelancong adalah seramai 20,972,822 orang iaitu peningkatan sebanyak 19.5% berbanding tahun 2006. Seterusnya, seramai 22,052,488 orang pelancong dicatatkan bagi tahun 2008 dengan peningkatan sebanyak 5.1% berbanding tahun 2007. Manakala bagi tahun 2009, jumlah ketibaan pelancong adalah seramai 23,646,191 orang dengan peningkatan sebanyak 7.2% berbanding tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepuluh (10) pasaran utama kedatangan pelancong asing ke Malaysia bagi tahun 2007 hingga 2009 dengan bilangannya adalah seperti berikut:

No	Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009
1	Singapura (10.5 juta)	Singapura (11.0 juta)	Singapura (12.7 juta)
2	Indonesia (1.8 juta)	Indonesia (2.4 juta)	Indonesia (2.4 juta)

3	Thailand (1.6 juta)	Thailand (1.5 juta)	Thailand (1.4 juta)
4	Brunei (12 juta)	Brunei (1.1 juta)	<sup>3!</sup> (11 juta)
5	China (0.8 juta)	China (0.9 juta)	China (102 juta)
6	India (0.4 juta)	■ India (0.6 juta)	India (0.6 juta)
7	Jepun (0.4juta)	Jepun (0.4 juta)	Australia (0.5 juta)
8	Fiiipina (0.3 juta)	Australia (0.4 juta)	Fiiipina (0.4 juta)
9	Australia (0.3 juta)	Fiiipina (0.4 juta)	United Kingdom (0.4 juta)
10	United Kingdom (0.3 juta)	United Kingdom (0.4 juta)	Jepun (0.4 juta)

Tuan Yang di-Pertua,

Lima buah negeri utama yang menerima bilangan pelancong antarabangsa yang tertinggi (mengikut penginapan hotel) adalah seperti berikut:

- o Tahun 2007- di Pahang (2.9 juta), Sabah (2.7 juta), Pulau

- Pinang (2.4 juta), Kedah (1.9 juta) dan Selangor (1.8 juta). o Tahun 2008 Pinang (2.8 juta), Selangor (2.1 juta) dan Melaka (2 juta).
- o Tahun 2009 - di Pahang (3.7 juta), Pulau Pinang (3 juta), Sabah (2.5 juta), Melaka (2 juta) dan Kedah (1.9 juta).

Antara destinasi utama tarikan pelancong asing ke **Pahang** adalah Taman Negara Pahang, Cherating, Pusat Pemuliharaan Gajah Kuala Gandah, Genting Highlands, Bukit Fraser dan Pulau Tioman. Di **Pulau Pinang** pula, antara tarikannya adalah tapak warisan UNESCO, Muzium Baba Nyonya, Taman Negara Pulau Pinang dan Batu Ferringhi. Di **Sabah**, Kinabalu Park, Tuanku Abdul Rahman Park, Sepilok Orang Utan Rehab Centre, Selingan Turtle Island, Lower Kinabatangan Wildlife Sanctuary - Sukau, Pulau Sipadan dan Pulau Mabul. Manakala di **Melaka**, tarikan utama adalah di

Tapak Warisan UNESCO, Sungai Melaka Cruise, muzium^muzium Melaka, Jonker Street, Menara Taming Sari dan Medan Ikan Bakar. Di Kedah puia adalah di SVSenara Alor Setar, Tree Top Walk, Koto Mahsuri, Pulau Paya Marine Park, Underwater World, Tasik Dayang Bunting, Pantai Chenang, Geopark Sungai Klim dan Cable Car di Langkawi dijadikan daya tarikan utama.

**NO. AUM : 21**

**NO. AUP : Vo**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**                   **TUAN WONG HO LENG [ SIBU ]**  
**DARIPADA**                   **20 OKTOBER 2010**  
**TARIKH**                   **3012**  
**SOALAN:**  
**ROJOKAN**

**Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan nisbah anggota polis berbanding penduduk di Sarawak bagi 5 tahun yang lalu serta usaha yang diambil untuk rekrut pegawai yang fasih bahasa-bahasa selain Bahasa Malaysia bagi memenuhi keperluan di bandar-bandar besar di mana ramai penduduknya tidak fasih dalam Bahasa Malaysia.**

JMWAPAM:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Tamlos Berhomiat dari Sibu  
yany telah mangem! skakan soalaii

Unluk rnakuman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, nisbah anggota polis berbanding penduduk di negeri Sarawak ialah 1:436. Ini adalah berdasarkan jumlah kekuatan pegawai dan anggota PDRM iaitu seramai 5,749 orang berbanding dengan jumlah penduduk di negeri Sarawak seramai 2,506,500. Nisbah tersebut menunjukkan penurunan jika dibandingkan dengan lima tahun lalu yang mana nisbahnya ialah 1:453 pada tahun 2005.

Sehubungan dengan ini juga, Kerajaan telah bersetuju secara dasarnya untuk menambahkan sebanyak 60,000 lagi perjawatan pelbagai gred, namun pelaksanaan perkara tersebut akan dilakukan secara berperingkat sehingga tahun 2012. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pasukan PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan amat menggalakkan penyertaan semua kaum untuk berkhidmat dalam pasukan polis. Antara usaha-usaha yang dilakukan ialah; Perfama, mengikiankan urusan pengambilan PDRM dalam akhbar-akhbar utama pelbagai bahasa.

Kedua, semua Ketua Polis Negeri dan Ketua Polis Daerah sentiasa berusaha dan bekerjasama dengan para pemimpin di peringkat negeri



dan daerah terutamanya melalui sesi dialog dengan masyarakat setempat untuk menghebahkan mengenai urusan pengambilan PDRM bagi menarik minat calon-calon yang berkelayakan dari pelbagai kaum dan etnik untuk berkhidmat dalam pasukan polis.

Ketiga, PDRM juga pada tahun 2008 telah mengadakan urusan pengambilan khas bagi jawatan Inspektor dan Konstabel Polis dari kalangan calon bukan Melayu untuk berkhidmat dengan PDRM terutamanya dalam Cawangan Khas. Keutamaan diberikan kepada calon yang fasih dalam Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil dan bahasa etnik lain di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, PDRM juga mempromosikan kerjaya sebagai pegawai dan anggota polis melalui program TV seperti drama bersiri Gerak Khas di TV2 dan program khas 999 di TV3. Pada masa hadapan, PDRM akan mempertimbangkan untuk memperluaskan kaedah pengiklanan dan promosi untuk menarik minat golongan muda melalui medium media baru yang lain seperti ‘facebook’ mengikut keperluan dan keadaan semasa.

**PEMBERBAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**OAR! PADA**

Y.B. PATUR BiLLY ABIT  
JQQ (HULL! RAJ AM 6)

**TARIKH**

20.10.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO f HULU RAJAWG | minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada telah dilakukan tinjauan komprehensif bertujuan mengumpul maklum balas ramai berkenaan keberkesanan sistem Pelajaran yang kini diamalkan oleh Negara kita berhubungan dengan relevannya dan daya saingnya berbanding sistem lain yang dipraktikkan oleh Negara maju yang lain. Jika ya, apakah kesimpulan atau keputusan yang dicapai dan apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk memantapkan lagi sistem pelajaran kita.

**JAWAPAW**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di Malaysia, antara usaha yang telah diambil oleh KPM ialah melaksanakan transformasi kurikulum pada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah.

Transformasi kurikulum ini melibatkan perubahan dalam bentuk kandungan, penjadualan waktu dan penekanan kepada pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan. Transformasi kurikulum ini masih berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di mana FPK mengungkapkan hasrat bahawa

pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah menghasilkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.

Menerusi transformasi, kurikulum elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada murid. Transformasi kurikulum bermatlamat membentuk diri murid untuk menjadi modal insan seimbang yang antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara, berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh, serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan cabaran masa kini dan masa depan serta persekitaran dunia global. Justeru, kurikulum transformasi ini menyediakan ruang dan peluang bagi memenuhi keperluan murid bagi membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif.

Bagi menghadapi cabaran globalisasi dan zaman serba canggih ini, murid juga dilengkapkan dengan kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Murid juga dipastikan mendapat pendidikan yang memenuhi keperluan pasaran kerja dan industri khususnya dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa Inggeris, pembentukan kemahiran dalam sains dan teknologi serta pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini.

Dengan ini generasi yang dilahirkan berupaya menguasai bidang sains dan teknologi pada tahap tinggi. Seterusnya mereka mampu menjana idea baru dan boleh bertindak sebagai tenaga kerja yang berkeyakinan, berinteraksi dengan dunia luar serta dapat melibatkan diri secara aktif dalam persaingan di peringkat global.

PEMBERIITAIHIUAM PERTAMYAAM DEWAN IRAECYAT  
PERTAyWAAM " LI8AM

DArtBPADA : Y.B. DAT<sup>©5</sup> SERI AMWAR ©DIM ABRAHAM

[PEMATAMG PAUH]

TARKHi : 20 GKTGBEIR 2010

SOALAM°

Dato<sup>0</sup> Seei Ainwar teiei Iferahom [ Permafaog Payh | minta PERDAMA  
ilEMTERS menyatakan cadangan-cadangan Suruhanjaya Pengangkutan  
Awam Darat berhubung keperluan pengangkutan a warn di Kuala Lumpur,Lembah Klang  
memandangkan kesesakan jalan raya yang semaktn meruncing dan  
kemalangan jalan raya yang semakin meningkat.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya  
Pengangkutan Awam Darat dalam masa terdekat adalah pembangunan  
Dasar Pengangkutan Awam Darat Negara dan rancangan induk  
pengangkutan awam darat wilayah. Rancangan-rancangan induk wilayah

**JAWAPAN**

**YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**

akan digabungkan dan menjadi Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara. Rancangan induk pengangkutan awam yang menjadi prioriti SPAD adalah Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat untuk Greater KL/Lembah Kelang. Rancangan-rancangan induk wilayah yang lain juga akan dibangunkan.

Rancangan-rancangan induk tersebut akan dapat mengenalpasti keperluan pengangkutan oleh penduduk setempat untuk jangkama panjang. Keperluan ini dapat dipenuhi dengan inisiatif-inisiatif jangkama pendek dan panjang seperti pembangunan infrastruktur, sistem pengangkutan awam berintegrasi, pengawalseliaan yang lebih rapi, perkhidmatan yang lebih berkualiti dan efisyen.

Langkah-langkah jangka pendek untuk mempertingkatkan kecekapan pengangkutan awam telahpun dikenalpasti di bawah Bidang

**Keberhasilart Utatna Wasiona!** (NKRA) untuk pengangkutan awam bandar.

Di antara **inisiatif-inisiatif** NKRA yang bakal **dilaksanakan** oleh SPAD **termasuklah laluan khas** bas, “Bus Rapid Transit”, **penstrukturran semula** jajaran bas, **inteyrasi tike!** dan Pusat Piawaian **Prestasi** (Performance Monitoring Hub). **Lebih** daiipacia 1,000 **perhentian bas juga** telah dikenalpasti untuk **dinaiktaraf clemi** keselesaan **penumpang**.

Inisiatif-inisiatif NKRA yang **dilaksana** oleh agensi lain fermasuk **penambahan kapasiti** LRT Aliran Kelana Jaya dan Aliran Ampang, KTM Komuter dan **monorel**. Jajaran LRT Aliran Kelana Jaya dan Ampang **masing masing** juga akan **dsperkembangkan** sejauh 17km dari stesen **akhir Kelana Jaya** dan Sri Petaling menuju ke Putra Height.

**Dengan** perancangan dan **pengimplementasian** langkah-langkah tersebut yang betul **dan mengikut** Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat, peratusan **penggunaan** pengangkutan awam atau **modal split** akan meningkat dari pada 12% **pada** masa kini ke 40% **dalam** tahun **2020**. Ini akan **membawa** kepada **pengurangan** kesesakan dan **kemalangan** jalanraya dan kerugian yang berkaitan **seperti** kerugian produktiviti, **tuntutan insuran dan kehilangan nyawa**.

**Sekian. Terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DATUK NUR JAZLAN BIN MGHAMED**

**DARIPADA  
KAWASAN**

**PULA  
I**

**20.10.2010 (RABU)**

**NO. SOALAN**

**TARIKH**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED mInta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kesan daripada dasar rasionalisasi industri automotif negara kepada pengusaha bumiputera khususnya pemegang permit AP yang sedia ada.**

**Jawapan**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Salah satu langkah baru yang telah diperkenalkan di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) yang diumumkan pada 28 Oktober 2009 adalah pemansuhan Sistem Lesen Import (AP) bagi pengimportan kenderaan, dengan izin, *Completely Built-Up* (CBU).**

**Sistem AP Terbuka bagi kenderaan terpakai akan dimansuhkan menjelang 31 Disember 2015, manakala AP Francais bagi kenderaan baru pula akan dimansuhkan pada 31 Disember 2020. Ini bermakna mulai 1 Januari 2016, pengimportan kenderaan terpakai tidak lagi dibenarkan.**

Kerajaan daiam ysaha menibaotui syarikat-syatiScat pemegang AP TerbtEka, feSah m&rtybyEtkait satu Dana Autamofif Bymipytera^ D;ana ml akaEi memlbaEity syarikat-syarSkat^peiniEig AP Teirbyka uotok memperluas daxt mempetbagaii penmagaati; baElcarfiar!; Iridustri audomotif yaEig lain; sepesti menjads pengedsr atau wakil joalam bagi; pemegang franeais, sektor **perkhidmatan** berkaitasi automotif dan juga pengeluaran komponen dan aiat **ganti kenderaan**. Dalam ha! ini, sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2010, sefiap AP Terfauka yang **dikefuarkan** kini dilkesiakan caj sebanyak Rft\$10,000. **Sebahagian** kutipan caj ini akan digumakam unfuk Dana ferssbut

**Dengan** ini, Kerajaan dapaf **memastikan pengSibatan berterusan** Butripufera dalam industri automotif **negara**.



**NO SOALAN : 24**

**PEMBERITAHU  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**PERTANYAAN  
DARI PADA**

**LISAN**

**KEEN**                   **YB TUAN WILLIAM LEONG JEE  
(SELAYANG)**

**TARIKH**

**20.10.2010  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan prosedur perolehan untuk memastikan transparensi dan integriti, nilai dan jenis kontrak yang memerlukan tawaran terbuka, rundingan terus dan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu Pengawasan Anggaran dan Perolehan Pertahanan / Ketenteraan Parlimen (*Parliamentary Oversight of Defence Budget and Procurement*).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan amat komited dalam usaha memastikan aspek transparensi dan integriti sentiasa dipatuhi di dalam semua prosedur dan tatacara perolehan aset Kerajaan melalui kaedah-kaedah yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- a)      Memastikan prosedur perolehan sentiasa dilaksanakan mengikut piawaian standard yang diakui dan diterima pakai

di peringkat antarabangsa iaitu persijilan MS ISO 9001:2008.

- h)** Prosedur perolehan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada proses **pengauditan** oleh Jabatan Audit Negara yang dilaksanakan pada setiap tahun. Sekiranya berlaku sebarang penyelewengan atau tidak mematuhi peraturan, perkara tersebut akan dinyatakan di dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara dan seterusnya Kementerian yang berkenaan akan dimirata untuk memberikan penjelasan oleh Jawatankuasa Akaun Awam. Di peringkat Kementerian Pertahanan pula, pemantauan sentiasa dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam & Siasatan Am (BADSA).
- c)** Proses perolehan **aset dan perkhidmatae** yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui tatacara prosedur kewangan seperti Arahan Perbendaharaan, Surat Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.
- d)** Pelaksanaan **Integrity Pact** yang merangkumi semua peringkat perolehan **seialah** mula dilaksanakan bermula daripada penghantaran dokumen tawaran oleh petender/penyebut harga sehingga ke peringkat menandatangani perjanjian kontrak. Melalui Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 1 April 2010, pelaksanaan **Integrity Pact** dalam perolehan kerajaan adalah bertujuan

untuk mengelakkan perlakuan rasuah dan *unnecessary costs* yang ditanggung oleh pihak Kerajaan dalam pelaksanaan urusan perolehan.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, semua perolehan Kerajaan mestilah dilakukan secara terbuka selaras dengan Arahan Perpendaharaan (AP) 171.1 yang secara jelas menyebut bahawa semua perolehan yang bernilai RM 500,0. 00 ke atas perlulah dilakukan secara tender terbuka. Walau bagaimanapun, pengecualian yang diberikan kepada perkara ini adalah tender secara rundingan terus.

Namun begitu, pihak Kementerian dikehendaki terlebih dahulu untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Perpendaharaan dan juga semasa rundingan kontrak dilaksanakan, Kementerian perlulah mendapatkan nilai harga terendah dan munasabah selaras dengan prinsip *Best Value for Money* sebelum tindakan selanjutnya diambil. Tender secara rundingan terus boleh dipertimbangkan sekiranya kriteria-kriteria berikut dipenuhi:-

a) Hanya ada satu pembekal sahaja yang membekalkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan.

b) Bagi memenuhi keperluan yang mendesak dan perlu dilaksanakan segera.

c) <sup>3</sup>  
Melibatkan keselamatan dan elemen-elemen strategik.

d) Bagi tujuan penyegaraman.

Tuan Yang **di-Perfua**,

**Kementeriam** Perrahanan berpendapat Ibahawa Pengawasan Anggar&si dati h 4 **olehan/Ketenteraan oleh Parlimeu (Parliamentary Oversight of Defenoo budget and Procurement)** tidak perlu diwujudkan kerana sebarang rancangan perolehaoi Ksmenterian ini akan dinyatakan dalam anggaran belanjawan pembangunan untuk dibahaskan dan diluluskan oleh pihak Parlimen sendiri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN**

**[LIPIS]**

**TARIKH**

**20 OKTOBER 2010**

**SOALAN**

**25**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) minta MENTERI**

**PENGANGKUTAN**

menyatakan langkah-langkah strategik yang diambil berikutan kajian oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) mendapati sosiekonomi akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2009 lalu mencecah RM9 billion.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) telah mengenalpasti dan merangka 9 langkah strategik melalui Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia Pertama bagi tahun 2006-2010 yang kini dalam peringkat akhir pelaksanaannya dan bakal disusuli dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia Kedua bagi tahun 2011-2020. Berdasarkan pencapaian sedia ada dan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk keselamatan jalan raya, Kerajaan sekarang ini sedang merangka 3 langkah strategik untuk dilaksanakan bagi tempoh 2011-2012 adalah iaitu:

- (i) meningkatkan pematuhan undang-undang lalulintas;
- (ii) meningkatkan kebolehlilahan (*conspicuity*) penunggang motosikal; dan
- (iii) menyediakan lorong khas motosikal di jalan-jalan utama;



Tuan Yang Dipertua,

Di samping itu, program-program lain yang akan dimulakan pelaksanaannya bagi tempoh 2U11-2020 ialah Sistem Penguatkuasaan Secara Automatis!; bagi kesalahan-kesalahan melebihi had laju dan melanggar lampu isyarat, penguatkuasaan pemakaian topi keledar dan tali pinggang keledar hadapan dan belakang, rawatan kawasan kerap berlaku kemalangan, program pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah dan mewajibkan pematuhan terhadap peraturan-peraturan standard seperti *United Nation Economic Commission For Europe* (UNECE), Malaysia Standard (MS) dan *Federal Motor Vehicle Safety Standard* (FMVSS) bagi komponen-komponen automotif.

Berdasarkan unjuran daripada MIROS, sekiranya 3 langkah strategik ini dan lain-lain program intervensi yang disenaraikan dalam model Intervensi MIROS dapat dilaksanakan sepenuhnya di bawah NKRA, kerugian sosioekonomi akibat kemalangan jalan raya akan dapat dikurangkan ke tahap yang minimum menjelang tahun 2020.

**NO. AUP : 2-6**

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**NO. AUM : 29**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**  
**TARIKH : 20 OKTOBER 2010**  
**RUJUKAN : 3013**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah/jenis laporan-laporan polis yang telah dibuat terhadap Utusan Malaysia sejak April 2009 dan apakah tindakan yang telah diambil oleh polis terhadap laporan-laporan berkenaan.**  
Tuan Yang Dipertua,

oaya menguupkan terima k&isih kepada Ahli Yang Beriornat Ipoh Timur yang **mengemukakan** pertanyaan.

Untuk **makluman** Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak bulan April 2009 hingga Oktober 2010, 3 laporan polis telah **di buai** terhadap Utusan Malaysia di mana dua (2) kes telah di rujuk kepada pejabat peguam negara untuk tindakan **selanjutnya**. Manakala, satu (1)

## JAWAPAM

kes lagi telah ditutup kerana ianya tidak mempunyai unsur-unsur jenayah.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**SOALAN ( 27 )**

PERTANYAAN

LISA  
N

DARIPADA

Y.B. DATUK SERI PANCLIMA MOJILIP BIN BUMBURING  
@ WILFRED  
(TUARAN)

TARIKH

20 OKTOBER 2010 (RABU )

**SOALAN**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED  
(TUARAN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

menyatakan berapa unit rumah kos rendah yang telah dilulus untuk dibina di kawasan Tuaran dalam tahun 2010 dan kenapakah pihak Ahli Parliment tempatan tidak dilibatkan dalam proses penyenaraian mereka yang dicadang untuk menerima bantuan ini

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai maklumat tentang jumlah rumah kos rendah yang dibina di kawasan Tuaran kerana pembangunan projek perumahan di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP), selaras dengan Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978.

Sebagai makluman kepada ahli Yang Berhormat, tiada projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan di kawasan Tuaran dalam tahun 2010 kerana terdapat keperluan yang lebih mendesak di kawasan lain Negeri Sabah seperti di Kota Kinabalu yang diperlukan untuk menangani masalah setinggan. Dalam melaksanakan Program ini, KP KT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) bertindak sebagai agensi perancang dan pelaksana dalam membina rumah -

rumah

**SOALAN ( 28 )**



PPR **diseluruh** negara. **Setelah** siap dibina, projek PPR tersebut **diserahkan** kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan **pengisian atau** penyewaan. Dalam **hubungan** ini **Kerajaan** Negeri Sabah melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Sabah merupakan agensi yang **bertanggungjawab dalam** rneiaksanakan urusan pemilihan caion dan pengisian **rumah - rumah** PPR tersebut.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan  
Oktober 2010



**NO. AUM : 32**

**NO. AUP : x %**

	<b>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT</b>
<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>20 OKTOBER 2010</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3014</b>

**SOALAN:**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa walaupun kes rogol semakin tinggi, kadar perogol disabit hanya serendah 4 peratus sahaja. Apakah prosedur pengendalian kes rogol oleh polis dan pihak kehakiman.**

## **JAWAPAN**

**s uan Yang Dipertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang tulsa ini, semua kes rogol akan diwasat di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan dan kesalahan bagi jenayah rogol adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan. Pegawai Penyiasat yang ditugaskan bagi mengendalikan kes-kes jenayah seksual telah dilatih dan berkemampuan untuk mengendalikan penyiasatan kes-kes sebegini. Prosedur pengendalian kes-kes sebegini memerlukan kepada perhatian yang mendalam dan teliti kerana keadaan mangsa atau sakss yang trauma serta sensitiviti keluarga mangsa perlu dilindungi. Pada masa ini, penyiasatan kes seksual adalah dipantau dengan rapi oleh Jlhagian-khusus di Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

**Tuan Yang Dipertua,**

**Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kegagalan sesuatu kes. Antara masalah yang biasanya dihadapi oleh pihak pendakwaan adalah seperti kurangnya keterangan atau bukti yang mencukupi untuk mengaitkan saspek dengan kesalahan yang didakwa, ketiadaan keterangan sokongan dari saksi bebas, laporan perubatan dan laporan kimia tidak diperolehi bagi menyokong keterangan mangsa serta keterangan saksi-saksi yang bercanggah.**

**Selain itu, mangsa juga kadangkala lewat membuat laporan polis menyebabkan banyak bahan bukti yang penting telah pun terhapus.**

**Terdapat juga beberapa insiden di mana pengadu atau mangsa memohon untuk menarik semula laporan polis yang telah dibuat atas pelbagai alasan peribadi seperti tidak berminat untuk meneruskan kes, ingin melupakan kejadian yang dialami, ingin berkahwin dan sebagainya.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bagi meningkatkan mutu kualiti penyiasatan kes jenayah seksual, beberapa daerah seperti Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Daerah Johor Bahru Selatan, Ibu Pejabat Daerah Timur Laut Pulau Pinang, Ibu Pejabat Daerah Ampang Jaya dan Ibu Pejabat Daerah Petaling Jaya telah megimpenitasi Prosedur Kerja**

penyiasafan kes jenayah seksuaf mengikut Sistem Pengurusan Kualiti  
MS ISO 9001:2Q08.



**SOALAN NO.(29)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PADA : YB. DATUK TIONG THAI KING  
(LANANG)  
TARIKH : 20 OKTOBER 2010

**SOALAN**

**YB. DATUK TIONG THAI KING** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan sistem perparitan di kawasan Perumahan Sibu Jaya perlu dinaik taraf demi kesejahteraan penduduk. Apakah rancangan Kementerian dalam menaiktaraf kemudahan infrastruktur di sini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini mempunyai peruntukan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pelaksanaan pembangunan infrastruktur, sosioekonomi, dan kemudahan awam di bawah seliaan PBT-PBT. Untuk membolehkan peruntukan tersebut disalurkan, pihak PBT perlulah mengenalpasti projek-projek yang menjadi keutamaan di kawasan mereka dan mengemukakan cadangan projek kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dengan jumlah peruntukan yang terhad, setiap PBT perlu mengenalpasti keutamaan bagi pelaksanaan projek-projek ini.

Oleh yang demikian, untuk menaik taraf jalan raya dan sistem peparitan di kawasan Perumahan Sibu Jaya, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu perlu mengenalpasti bahawa terdapat keperluan dan keutamaan untuk melaksanakan projek tersebut. Seterusnya

permohonan boleh dikemukakan kepada KPKT untuk pertimbangan dan peruntukan yang diluluskan akan disalurkan kepada PBT.



**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

[ RANTAU PANJANG ]

**TARIKH :** 20 OKTOBER 2010

**SOALAN :**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan usaha segera bagi mengatasi masalah banjir di Rantau Panjang berikutan dengan ketiadaan benteng banjir tebing sungai berbanding dengan Thailand dan bilakah cadangan pembinaan tebatan banjir di Sungai Golok akan dilaksanakan dan bila dijangka siap.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah melaksanakan beberapa projek bagi mengatasi masalah banjir di Rantau Panjang. Sebagai langkah awal, sejumlah 5 projek untuk menstabilkan tebing Sg Golok di Rantau Panjang melibatkan kos berjumlah RM 28.2 juta telah dilaksanakan. Kesemua 5 projek ini telah siap dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9).

Sebagai langkah jangka panjang untuk mengurangkan kesan masalah banjir di Lembangan Sg Golok, pihak JPS telah melaksanakan rekabentuk terperinci bagi *Proposed Sg Golok (KESBAN) Protection Scheme*. Rekabentuk ini telah siap

dilaksanakan ppcta \*\*\*nos 0 n'ngan peruntukan sejumlah RM 13,494,300.0. Berdasarkan rekabentuk ini, komponen yang dicadangkan untuk

dilaksanakan di bawah RMKe-10 di Rantau Panjang adalah seperti berikut:

- i. Rantau Panjang Fioodwall (2.8 km);
- ii. Rantau Panjang Fioodway (12 km);
- iii. Floodban;
- iv. Menaiktaraf Sistem Saliran Dalaman di Rantau Panjang; dan
- v. Menaiktaraf Kolam Takungan To'LJban.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARI PADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING**  
**(KULAI)**

**T ARIKH : 20.10.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan pelaksanaan program pensiswazahan guru di SJKC dan SJKT yang akan dijalankan memandangkan kini hanya 25% merupakan guru siswazah dan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan usahasama dengan IPTS untuk mencapai sasaran 60% guru siswazah menjelang 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mencadangkan agar semua guru tanpa ijazah disiswazahkan dalam tempoh RMKe-10 melalui Program Pensiswazahan Guru (PPG). Program ini akan ditawarkan kepada semua guru tanpa ijazah yang berkelayakan terutama di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi mensasarkan sebanyak 60% guru di sekolah rendah dan 90% guru di sekolah menengah memiliki ijazah pertama menjelang akhir tahun <sup>2015</sup>.

Bagi menjayakan program ini, KPM bercadang mengadakan usahasama dengan pihak Institusi Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi melatih dan meningkatkan tahap kelayakan dan kualiti pendidikan guru dalam perkhidmatan yang secara signifikan menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.



## PESIIIBERIMHUAM PERTASYfAANI DEW AN RAKYAT

PER.TAASYAAM  
DARfIPADA

JAMB DREASH NEW POOR 20

TARDRIHi  
SOALAM

ORTOC8ER 2010 (IRABU) MCY

Tua Lok@ Si@w F@oic [ <sup>32</sup>Rassih ] minta WEWTE1RI PEMGAJSAM

TiWGOI menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengambil langkah untuk membenarkan penuntut-penuntut Institusi Pengajian

! inggi A warn untuk menganggotai parti politik dalam masa yang terdekat.

JAWAPAB^J

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) untuk menganggotai mana-mana parti politik.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menghalang sepenuhnya pelajar IPT untuk terbabit dalam politik, terutama ketika pilihan raya sekiranya mereka mengikuti garis panduan yang ditetapkan. Mahasiswa boleh mendengar ceramah, bercakap mengenai politik atau memantau pilihan raya tetapi mereka tidak dibenarkan terbabit secara langsung dalam kempen politik atau menjadi ejen parti politik.

Disamping itu, pelajar boleh menyalurkan keinginan berpolitik melalui saluran yang sedia ada di peringkat IPT seperti penglibatan dalam pilihan raya kampus, sudut pidato, forum, seminar dan diskusi ilmiah.

**Persatuan pelajar juga boleh menjemput mana-mana tokoh politik dari semua parti politik selagi ianya bersifat akademik dan intelektual.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
DARSPADA	Y.B. DAT©' SHAM8UL ANUAR BIN MA8ARAR (LEMGGONG)
TARIKH	20/30.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATO" SHAMSUI AMUAR BIN NASARAH I IENGGONG I minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan kajian semula pelaksanaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan peperiksaan lain dalam sistem pendidikan negara. Apakah langkah yang dilakukan Kementerian bagi meningkatkan kualiti pendidikan, dan benarkah dakwaan pelbagai pihak bahawa Kementerian mengurangkan pelbagai perbelanjaan terutama yang melibatkan kebajikan guru- guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Cadangan pemansuhan UPSR dan PMR adalah atas kesedaran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bahawa sistem pendidikan sekarang sering dilabel sebagai terlalu berfokus kepada peperiksaan dan tidak holistik. Sehubungan itu, selain daripada pengumpulan data melalui media perdana dan media atas talian, KPM telah menganjurkan tiga sesi Persidangan Meja Bulat iaitu pada 19 dan 27 Julai serta pada 24 September 2010. Persidangan pertama telah dapat mengumpulkan maklum balas daripada warga pendidik, sementara dalam sesi kedua pada 27 Julai 2010 pula, KPM telah berjaya mengumpulkan input daripada orang awam yang diwakili oleh Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), aktivis masyarakat, tokoh-tokoh pendidikan, tokoh-tokoh politik, ibu bapa dan pelajar.

Dapatan daripada kedua-dua persidangan meja bulat serta analisis maklum balas daripada media cetak, media elektronik termasuk surat, sistem pesanan ringkas dan e-mel telah dirumuskan dan hasilnya dijadikan agenda pada Persidangan Meja Bulat kali ke-3 pada 24 September 2010.

Rumusan keseluruhan daripada perbincangan meja bulat serta dapatan-dapatan yang lain telah digunakan oleh KPM untuk memutuskan bahawa mulai tahun 2016, peperiksaan UPSR akan diteruskan dengan melakukan penambahbaikan terhadap sistem penilaian tersebut. Manakala bagi PMR pula, akan digantikan dengan pentaksiran berdasarkan sekolah.

Rjm 24

MO. M3M : 35

MO. AUP :

**PEJV3 B EPiLT AH U AM PERTAMYAAW BAG | JAWAB U8ABV!**  
DEWAM RAKYAT  
LiSAM

PERTAMYAAW

TUAW S/M TOMG MM | KOTA MELAKA ]

DARIPADA

**20 OKTOBER 2010**

**TARIKH**

**3220**

**SOALAN:**  
RUJUKAN:

Tuan SSm Tong **Him** [ Kota Melaka | minta **MEfNTERI DALAI^i MEGERI** menyatakan **sejak** tahun 2000, jumlah rakyat negara kita telah **berhijrah** ke negara lain:

- (a) sila berikan angka mengikut kaum ; dan
- (b) senaraikan negara-negara yang mereka **berhijrah** dan adakah gejala ini telah **menjejas usaha memajukan negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod jumlah warganegara Malaysia berhijrah ke negara asing. Ini kerana bidang tugas Jabatan Imigresen Malaysia secara amnya merangkumi aspek kemasukan, keberadaan dan pemergian dari negara ini dan tidak meliputi hal ehwal di luar negara.**

**PEWIBERITAHU PERTAMYAAM DEWAN RAKYAT**

**PERTAMYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**  
**Y.B. TUAW LIANG TECK MEMG**  
**(SIMP AN G R E N G G A I)**

**T ARIKH**

**20.10.2010**

**SOALAN:**

Y.B. TUAW LIANG TECK MEMG [ SJMPANG REWGGA1 3 minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pertimbangan kepada lulusan UEC yang mencapai gred lulus dalam subjek Bahasa Malaysia SPM untuk memohon menjadi guru dapat menyelesaikan masalah guru Mandarin di sekolah-sekolah.

**JAWAPAM**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih tidak mengiktiraf sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) kerana persijilan peperiksaan sekolah tersebut bukan dikendalikan oleh KPM, dan kurikulum pendidikan yang dijalankan di sekolah tersebut tidak menggunakan Kurikulum Kebangsaan. Untuk makluman, sijil UEC dikeluarkan oleh Sekolah-sekolah Persendirian Cina (di bawah kategori institusi pendidikan swasta). Sekolah-sekolah ini menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama dan menggunakan kurikulum yang disediakan sendiri oleh UEC yang tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang terdapat di dalam Akta Pendidikan 1996.

Walau bagaimanapun, berdasarkan ucapan penggulungan pembentangan RMKe-10 oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Jun 2010 telah menyatakan bahawa bagi memenuhi keperluan guru Bahasa Mandarin di Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan, lulusan UEC yang telah memiliki Sijil SPM sebelumnya akan diberi pertimbangan untuk mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi program Bahasa Cina.

Rjm 27

**DEWAN RAKYAT PEMBERSTAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, FE^GSAL ECET<sub>0</sub>C<sub>1</sub>A PARL1HEN KEDUA  
BELAS  
p@1@)**

PERTAWYAAM ° USAM

DARSPADA : **Y.B. DATOY IBRAHIL BIN ALJ**  
[PASSR MAS]

TARBKIH! : 20 OKTOBER 201 i

**SQALAM :**

DAT<sup>©</sup><sup>5</sup> SBRAfrIDI BSW ALS minta PERDAMA UEMTERI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil bagi menentukan masjid, surau dan

madrasah tidak terus dicemari dengan kegiatan politik termasuk orang bukan Islam diizin berucap sehingga ke tempat berhampiran mimbar masjid dan tempat imam serta ada khutbah Jumaat seperti yang berlaku di Pulau Pinang tidak mendoakan kesejahteraan Ke Bawah Duli Yang SWIaha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat seedia maklum, hal ehwal masjid dan surau adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Butiran I, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Justeru, segala urusan yang berkaitan dengan pentadbiran masjid dan surau merupakan tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri sepenuhnya.

Di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri, beberapa undang-undang dan kaedah-kaedah telah digubal untuk mengawal penyalahgunaan masjid dan surau sebagai tempat berpolitik. Bagi Wilayah Persekutuan, antara peruntukan undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkaitan adalah seperti berikut :

- (i) Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] memperuntukkan kesalahan *menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama, dan* apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-

duanya.

- (ii) **Seksyen 81(2)(c) Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa :**

*'..Jawatankuasa Kariah bersama-sama dengan pegawai masjid, hendaklah m&mt&nkw makktmai wajar dan mgera kepada IMajilss ientatug semisa perkara yang herhmgkit daim kariah sim yang nmnghmmM'd perfaa\$\$m MajMs."*

*m Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam)*

*2006 memperuntukkan : ".."Tiap-tiap pengajar rang telah diberikan iauliah mengajar di bawah kaedah 25 hendaklah, dalam melaksanakan tugasnya, tertakluk kepada syarat-syarat termasuk tidak menyeniulh mu poiitsk;*

Selain itu, Kaedah 10(1) Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987 memperuntukkan seperti berikut:

*" Dalam atau bagi maksud menunaikan tugasnya mentadbirkan masjid di bawah seksyen 118(2) dan (3) Enakmen, Jawatankuasa Kariah hendaklah, antaranya ,*

*"...Mem\$ukkam kepada Jabatan imtuk kepustusan apa- apa masalah, soaiaim, pertelingkahan atais percanggahan yang m tidak berupaya menyelesaiannya yang tmbul berkenaan <Stengan perkara yang termastuk dalam bidang kewajipannya aiais berkenaan dengan menunaikan kewajipan Stm."*

Oleh itu, sekiranya didapati masjid dan surau disalahgunakan untuk kepentingan politik, tindakan yang sewajarnya kepada pihak berkenaan boleh diambil berdasarkan peruntukan-peruntukan di dalam Akta/Enakmen dan Kaedah-Kaedah tersebut.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

: LISAN

. DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI BAHAROM

**PERTANYAAN**

: TANGGABATU : 20.10.2010 (Rabu)

**DARIPADA**

: \*37

**KAWASAN**

DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI

**TARIKH**

BAHAROM minta MENTERI

**NO. SOALAN**

PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN

INDUSTRI menyatakan dalam lawatan YAB Perdana Menteri ke Jepun baru-baru ini, banyak syarikat Jepun dipelawa untuk melabur dalam bidang-bidang baru seperti kewangan Islam, teknologi hijau dan bioteknologi. Adakah Kerajaan akan memberikan insentif khas kepada syarikat-syarikat ini serta senaraikan 5 syarikat Jepun terbesar dan nilai pelaburannya pada masa ini.

iiHMSB-

luari Yaog Dopeotya,

Pelbagai MISlffi kliysys teiab d|sedjajkar| bagi MMIMfc  
MdIM fellM seperti ktwaiMap\_Jilam, ItMIMSFLLiMI bMekeioilocgL  
Sebagai cogtgh, bagi teknoGogi GiIM, antara insesitif yatnig  
ditawarkan adalab seperti Taraf PerMs (PS), EBaun Cykai  
PeBabyrasi (STA) daei cgerao Bafiban / ggeraBi 1R&D di bawah  
Siam Galakan Ssfimewa.

Keragaan jyga teSab miewyjydkae dama berjymSaSi RiS1J biBiom  
di bawah Baget 2010 umtuk meoggaSakkan pertunmbyhan  
feknologi bipy do SiaBaysfa. Dana ini meriiyediakao skim  
pitmgeman mydab kepada S¥arfcaf°S¥arikaf yang meEwaBue<sup>8</sup>  
daeи roerfflguiniakaini teknQlogs hmu» PeimbBavaan maksimuGini  
ysifik pembekaB adaSah sebanyak Rili© jyfra sTsaoakala unfuk  
s^arikat peoggyeia adalah sebanyak R6H© §yta<sub>n</sub> Keraiaao jyga  
telah meoyediakan kemodafnan gawMnan sebanyak 60% daripada  
• gymBah pembiayaan dan bake 40% adaiah daripada institysi  
perbaokao kepada peminianrL PermobQoiao pmgamao b@Seh  
dibyaf melalui MaSawsmm Green Technolom Comoraimi fMGTCJ dan skim ini felah  
berkuatkuasa sejak 1 Jasioari 201Q<sub>P</sub>

**Bagi sektor bioteknologi, cukai yang dikenakan ke atas  
pendapatan penggaiian bagi pekerja berpengetahuan rakyat**

Malaysia adalah pada kadar 15% berbanding dengan kadar maksimum 26% untuk seluruh negara.

Syarikat-syarikat yang membuat pelaburan di Koridor Pembangunan Wilayah lavak untuk menerima insentif khas yang disediakan oleh koridor tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, lima syarikat Jepun utama yang mempunyai pelaburan tertinggi di Malaysia adalah:

- Fuji Electric (M) Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.7 bilion;
- Nippon Electric Glass (M) Sdn. Bhd. dengan nilai pefaburan sebanyak RM3.8 bilion:
- Taivo Yuden (Sarawak) Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.5 bilion:
- Ibiden Electronics Malaysia Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.3 bifion: dan  
f^ifgbre\_\_Srfg,...Bhi deoigap miiai peSabyraisi sebaeiyak RM1.2 billion.

**NO SOALAN : 38**

**PEMBERITAHU  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN**

**YB DR. CHE ROSLI BIN CHE  
MAT (HULU LANGAT)**

**TARIKH**

**20.10.2010  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah siswazah lulusan Kejuruteraan yang diserap kedalam Kementerian bagi membantu membangunkan bahagian teknikal seluruh Angkatan Tentera Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan lulusan siswazah kejuruteraan dalam perkhidmatan Agkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui dua (2) pendekatan iaitu Skim Pegawai Kadet Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) dan Skim Pegawai Graduan. Siswazah lulusan kejuruteraan ini ditugaskan mengikut kelulusan / kepakaran mereka bersesuaian dengan keperluan perkhidmatan ATM.

Dari tahun 1991 hingga sekarang, seramai 579 (279 lulusan Sarjana Muda dan 300 orang dari lulusan diploma) dari pelbagai lulusan kejuruteraan telah diterima masuk di dalam perkhidmatan ATM.

Pegawai-pegawai dari kalangan kejuruteraan ini telah membantu ATM dalam pelbagai penugasan serta bagi tujuan mengoperasi, mengurus serta menyelenggara aset-aset.

85DAMG BEWAW RAKYAT MESYUARAT IKETSGA, PEMGGAL  
KETSGA, PARLflBiEM iKEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAM

[JSAM

DAR1PADA

YB TUAN KU LAS EG ARAN A/L HURGESON [1POH BARAT]

T ARIKH!

20 OCTOBER 2010 39

SGALAW

Minta SiEWTERI SAIMS<sub>s</sub> TEKNOLOGfl DAW 1MGVAS1  
menyatakan :

- (a) Bagaimakah situasi keselamatan yang terbaru di Bukit Merah, Perak terhadap sisa pembuangan radioaktif (terbitan The Star pada 13hb Jun 2010); dan
- (b) Apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani situasi yang bahaya ini.

JAWAPAM :

Tuan Yang Dipertua,

Sisa yang mengandungi radioaktif semulajadi yang dilupuskan di kawasan antara Bukit Merah dan Bukit Kledang didapati selamat, tidak membahayakan pekerja, orang awam dan tidak mencemarkan alam

sekitar. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, tapak pelupusan ini terletak di Bukit Kledang iaitu lebih daripada 3 km dari Bukit Merah.

MOSTI melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bertanggungjawab untuk mengawal dan mengawalselia kerja-kerja pembubaran dan pelupusan yang dilakukan oleh Syarikat Asian Rare Earth (ARE) supaya ianya mengikuti peraturan dan syarat yang ditetapkan. Untuk makluman Tuan Yang Pertua, projek ini dilaksanakan melibatkan pelupusan bahan tercemar ditapak kilang dan sisa toria yang di stor di Bukit Kledang.

Pembubaran dan nyahcemaran bahan tercemar di tapak kilang di Lahat di mana semua bahan tercemar dipindah dan dilupuskan ke dalam struktur repositori di Bukit Kledang, Ipoh, Perak. Projek ini telah dilaksanakan dengan selamat dan disiapkan mengikut jadual pada penghujung tahun 2005. LPTA telah membuat pemantauan radiologi terhadap tapak kilang yang telah dinyahcemar ini dan didapati ianya bebas dari pencemaran bahan radioaktif. Tapak kilang ini kemudiannya diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perak pada 28 April 2006.

Sepanjang projek ini dijalankan, tiada sebarang pencemaran, kemalangan atau insiden berlaku dan tiada seorang pekerja pun yang dilaporkan menghidap kanser atau sebarang masalah kesihatan yang boleh dikaitkan dengan sinaran radioaktif. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaannya tidak mendatangkan sebarang masalah kesihatan terhadap pekerja terlibat dengan projek ini, apatah lagi untuk mendatangkan sebarang masalah kesihatan kepada orang awam

sebagaimana dakwaan yang dibuat di dalam akhbar “ the Star” i-disi Ahad, 13 Jun 2010.

Tuan Yang Diperua,

Bagi memastikan pelupusan sisa toria dan bahan tercemar lebih terkawal dan tidak membahayakan, bahan tersebut akan dipindahkan ke dalam struktur repositori *Long Term Storage FacSBsiy (LTSF)* di Bukit Kledang.

Kerajaan melalui LPTA, sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan tiada sebarang pencemaran dan kemalangan berlaku. Susulan dengan itu, di bawah tempoh kawalan perundangan, pihak syarikat ARE telah diarahkan supaya melakukan pemantauan radiologi terhadap pekerja dan alam sekitar semasa kerja-kerja pembubaran dan pelupusan dijalankan serta memastikan ianya dijalankan mengikut program pemantauan radiologi seperti mana yang telah diluluskan oleh LPTA. Pihak syarikat juga diarahkan supaya menjalankan perancangan bagi pengawasan semasa pengendalian terhadap mutu dan kualiti effluen yang dilepaskan semasa aktiviti pembubaran dan pelupusan dijalankan serta memastikan had pelepasan effluen ke alam sekitar adalah pada tahap yang telah dibenarkan oleh LPTA.

LPTA juga telah melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala ke atas tapak kilang ARE dan juga tapak *LTSF* serta memantau data-data pemantauan yang dilakukan oleh Syarikat ARE. Dengan ini, LPTA mempunyai maklumat yang cukup untuk memastikan dos sinaran yang terhasil dari projek ini tidak melebihi had yang ditetapkan oleh LPTA. Pada

masa ini, LPTA melakukan kerja-kerja kawalan dan kawalselian yang meliputi penilaian keselamatan, persampelan alam sekitar dan pemantauan berkala setiap 2 minggu di tapak *LTSF* yang menempatkan sisa toria dan bahan-bahan tercemar milik Syarikat ARE. Ini termasuk penilaian sampel air, fauna dan flora serta pengukuran sinar gamma sekitar kawasan berkaitan. Sehingga kini tiada sebarang pencemaran dikesan berlaku dari tapak berkaitan.

LPTA juga telah memutuskan untuk memasang *Environmental Radiation Monitoring System (ERMS)* di kawasan terbabit. Peralatan ini adalah bagi membolehkan pengesanan dibuat secara “*real time monitoring*” dan berterusan terhadap kemungkinan berlakunya pencemaran dan dapat menyediakan langkah-langkah pencegahan dengan segera.

Bagi mempertingkatkan kawalan, LPTA juga telah memutuskan bahawa sebarang aktiviti pembangunan di sekitar zon kawalan dalam jejari 1.7km radius dari kawasan terbabit tidak dibenarkan tanpa sebarang kelulusan dan kebenaran dari LPTA dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

SOALAN ( 40 1

PEMBEEQTM3IIJM  
1  
      

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	Y.B. DR. SITI MARIAN BIIMT! MAHMUD (KOTA RAJA)
TARIKH	20 OKTOBER 2010 (RABU )

SOALAN

BGL SDTD LUMKDMIIlt] BINT! MAHIfly® *mm mm niinta* MENTERI  
PiGgysffl^GMM *Bim* menyatakan apakah usaha dan  
tindakan yang spesifik yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan  
pembeli rumah projek-projek perumahan yang dikategorikan sebagai projek  
terbengkalai (*abandoned*) terbela di segi kerugian serta beban Siutang  
yang mereka tanggung dengan pihak bank.

***mwmm >***

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha dan tindakan yang  
diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi  
membantu pembeli rumah projek perumahan swasta terbengkalai adalah  
seperti berikut:

(a) Mengeluarkan **surat pengesahan projek perumahan terbengkalai** kepada pembiaya kewangan (*end-financier*) bagi unit rumah berkaitan. Bagi tujuan ini, pembeli perlu mengemukakan salinan kad pengenalan dan salinan Perjanjian Jual dan Beli (S & P) ke Jabatan Perumahan Negara. Melalui surat pengesahan ini, pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:-

Memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan **pengurangan kadar faedah** dan **penstrukturkan semula pinjaman perumahan** dan

- i) Memohon pertimbangan daripada pihak KWSP bagi permohonan **pengeluaran kali kedua**, dan
- ii) Pilihan kepada pembeli yang membuat pinjaman perumahan Kerajaan untuk **membatalkan pinjaman** dan peluang untuk **memohon pinjaman bam** (pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama); dan
- iii) Bagi pinjaman perumahan Kerajaan untuk menangguhkan faedah pinjaman (4%) sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana-mana yang terdahulu).

Walau bagaimanapun, semua perkara di atas adalah tertakluk kepada penilaian institusi pembiaya ke atas peminjam-peminjam yang

berkenaan berdasarkan merit setiap kes.

- b) sekiranya pihalc pembtaya tidal: membei ikati ^ebarang baniuan / kerjasama, pembeli rumah boleh rnembuat adman kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan aduan tersebut akan dipanjangkan ke Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan sokongan daripada bank pusat tersebut.
- c) Kementerian Perurnahari dan Kerajaan Tompatan juga membantu pembeli rumah untuk **^©B'feoricang denga^** patefc **pembiaya** untuk penyambungan pinjaman atau penambahan jusnlah pinjaman setelah pemaju penyelamat telah dikenalpasti dan kerja-kerja pemulihan telah dijalankan.

Kementerian  
Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan Oktober 2010

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH JAWAPAN : 20 OKTOBER 2010 (RABU)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 41**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapakah Kementerian masih enggan mengambil sebarang tindakan terhadap TNB walaupun orang ramai telah membuat aduan berkenaan ketidakpuasan hati terhadap pengiraan bil elektrik dua bulan sekali yang mengakibatkan bil yang lebih tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa prihatin akan aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat utiliti-utiliti. Tujuan

pembacaan meter dua (2) bulan sekali ini dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah untuk membolehkan pihak TNB memaksimumkan penggunaan tenaga kerja sedia ada serta meningkatkan lagi kecekapan TNB. Kaedah pembacaan meter dua bulan sekali ini hanya dilaksanakan di kalangan sebilangan kecil pengguna sahaja iaitu kira-kira 10 peratus (10%) sahaja daripada jumlah keseluruhan pengguna elektrik di Sernenanjung. Semenjak kaedah ini dilaksanakan pada tahun 2009 beberapa penambahbaikan ke atas kaedah pengiraan tersebut telah diperkenalkan khususnya dari segi butiran bil bagi meningkatkan pemahaman pengguna terhadap kaedah pembacaan bil elektrik.

Walau bagaimanapun, berikutan aduan daripada orang a warn yang masih tidak berpuashati dengan kaedah pembacaan meter secara dua bulan sekali ini, Kementerian telah mengarahkan pihak Suruhanjaya Tenaga (ST), selaku badan kawal selia industri bekalan elektrik untuk membuat siasatan dan mengadakan perbincangan dengan pihak TNB bagi mengatasi masalah tersebut. Susulan daripada perbincangan yang telah diadakan pada 5 Julai 2010, pihak TNB telah mengemukakan cadangan seperti berikut:

- a) mengubah *car a presentation* pengiraan pada bil agar ianya lebih mudah difahami oleh pengguna;
- b) Bil O (Bil anggaran) dikira berdasarkan purata penggunaan elektrik pengguna bagi tempoh enam (6) bulan ke belakang dan juga berdasarkan bil-bil yang dibaca secara normal;
- c) kaedah prorata digunakan apabila tempoh bacaan meter melebihi jumlah hari dalam bulan tersebut;

- d) sekiranya tempoh bacaan kurang daripada jumlah hari dalam bulan tersebut, kaedah prorata tidak digunakan dan ini akan memberi kelebihan kepada pengguna; dan
- e) cara pengiraan bil diletakkan di dalam laman web TNB supaya pengguna dapat mengira sendiri bil mereka.

Walau bagaimanapun, meskipun cadangan-cadangan tersebut masih tidak dapat menyelesaikan kesemua masalah berkaitan *billing* terutama untuk pengguna yang kegunaan elektriknya berada pada tahap *border line* (400 kWj - 410 kWj), namun pada masa yang sama, pihak TNB juga akan menambahbaik kaedah pembacaan bil yang dicadangkan dari masa ke semasa.

\*\*\*\*\*

**wa mm: 4S**

**WO.AUP - ip**

**PEMBERBTAHUAM PERTAMYAAM BAGS JAWAB LBSAN  
DEWAM RAKYAT**  
**PERTAMYAAM USAM**

**DARIPADA DATO<sup>0</sup> SERI ZAHRAIM JIOMASiED HASM [ BAYAM BARU |  
TARM 20 OCTOBER 2010  
IRUJULrCAM 3015**

**SOALAW:**

**Dat©° Seri Zahraim Mtohamed Mashim [ Bayam Baru | minfa S1EMTERI DALAii MEGERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula klasifikasi ganja sebagai dadah merbahaya memandangkan banyak kajian telah dibuat oleh Kerajaan dan institut luar Negara telah mendapati ganja sebagai dadah kelas C sahaja.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bayan  
Baru yang mengemukakan soalan.**

**Kerajaan memandang serius terhadap semua jenis dadah dan tidak bercadang untuk mengkaji semula klasifikasi ganja sebagai dadah berbahaya.**

**Walaupun ganja merupakan dadah berbahaya, Kerajaan menyediakan beberapa perkhidmatan termasuklah program rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan pengawasan di dalam komuniti, selain daripada menjalani hukuman di penjara.**

**Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Klinik C&C (Cure and Care) 1 Malaysia bagi memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah yang datang secara sukarela.**

